

**STATISTIK PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN KELANTAN 2019-2023:
SATU ANALISIS**

UNAUTHORIZED MARRIAGE STATISTICS 2019-2023: AN ANALYSIS

Ahmad Syakir Mohd Nassuruddinⁱ, Mohd Zain Mubarakⁱⁱ, Zulfaqar Mamatⁱⁱⁱ, Muhammad Adam Abd Azid^{iv} & Mohammad Jawwad Md Yusnan^v

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). ahmadsyakir@kias.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). mzain@umk.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zulfaqar@usim.edu.my

^{iv} Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). adamsaifulislam@gmail.com

^v Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). mjawwadyusnan@gmail.com

Article Progress

Received: 28 August 2024

Revised: 3 October 2024

Accepted: 30 October 2024

Abstrak	<p><i>Kajian ini bertujuan untuk meninjau fenomena perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan dari perspektif syariah dan perundangan. Objektif utama ialah untuk mengenal pasti corak dan trend perkahwinan tanpa kebenaran, mengkaji faktor-faktor penyumbang, dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan. Metodologi kajian berdasarkan analisis dokumen dengan data diperolehi daripada kitab rujukan dan tiga agensi utama bagi tempoh 2019 hingga 2023. Dapatan kajian menunjukkan trend yang tidak seragam dengan penurunan ketara semasa pandemik COVID-19, diikuti peningkatan mendadak selepasnya, terutamanya dalam kes perkahwinan luar negara. Faktor penyumbang utama yang dikenal pasti termasuk kekangan prosedur, faktor geografi, dan tahap kesedaran yang rendah dalam kalangan masyarakat. Analisis mendapati kes poligami tanpa kebenaran lebih tinggi berbanding kes monogami. Kajian ini mendedahkan implikasi serius terhadap kesahan perkahwinan, hak pasangan, dan kebajikan anak-anak. Kesimpulannya, fenomena ini memerlukan strategi komprehensif mengambil kira aspek perundangan, sosial, dan keagamaan. Kajian mencadangkan pendekatan bersepadu melibatkan penyelarasan antara agensi, peningkatan program kesedaran awam, dan semakan semula prosedur sedia ada untuk memastikan pematuhan undang-undang syariah dan memelihara keutuhan institusi kekeluargaan di Kelantan.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Perkahwinan, Perkahwinan Tanpa Kebenaan, Undang-undang Keluarga Islam, Syariah</i></p>
Abstract	<p><i>This paper addresses illegal marriage from Shariah and legal perspective in Kelantan Malaysia. The aims are to identify the patterns and trends, analyze contributing factors, and propose remedial measures. Covering data from 2019 to 2023, a mixed-method approach was used and data was gathered from three primary agencies in Kelantan: the Shariah Prosecution Department, The Shariah Judiciary Department, and subsequently the Islamic Religious Authorities Department. Results show erratic patterns, with a notable decline during the COVID-19 epidemic followed by a notable rise especially in cross-</i></p>

border marriages. Important contributing elements are limited public awareness, geographical elements, and procedural restrictions. Especially, incidents of polygamous weddings without authorisation were discovered to be regularly more than those of monogamous marriages. The investigation exposed dire effects for child welfare, spousal rights, and marriage legality. It claims that this phenomenon calls for a complete legal, social, and religious policy. Among these include enhancing public awareness campaigns, enhancing inter-agency collaboration, evaluating present marriage provision policies, and customising treatments for particular local settings. By providing insights for legislators and religious authorities, this study adds to the continuous debate on Islamic family law compliance and preservation of family structures in Kelantan.

Keywords: *Unauthorized marriages, Kelantan, Islamic family law, Shariah.*

PENDAHULUAN

Perkahwinan merupakan sebuah institusi asas dalam masyarakat. Al-Quran menegaskan pentingnya perkahwinan dengan firman Allah SWT:

﴿ وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً ۗ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

Maksud: “Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan dijadikan-Nya diantaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir” [Al-Quran. Ar-Rum, 30:21]

Ayat ini menekankan perkahwinan bukan hanya melibatkan urusan sosial, tetapi memiliki dimensi spiritual yang mendalam. Namun, fenomena perkahwinan tanpa kebenaran telah menjadi isu yang sensasi dalam beberapa tahun terakhir [Nur Hidayah and Siti Hajar, 2020]. Menurut laporan terkini dari Jabatan Perangkaan Malaysia [2023], menunjukkan statistik perkahwinan tanpa kebenaran menunjukkan trend yang menarik untuk dikaji.

Perkahwinan tanpa kebenaran merujuk kepada pernikahan yang dilaksanakan tanpa izin daripada pihak berautoriti iaitu Mahkamah Syariah dan Jabatan Agama Islam. Meskipun perkahwinan tanpa kebenaran mungkin sah dari segi agama apabila memenuhi rukun nikah, namun tetap melanggar undang-undang yang telah ditetapkan. Bahkan menghasilkan implikasi negatif perkahwinan tanpa kebenaran terhadap hak-hak wanita dan anak-anak yang lahir dari perkahwinan tersebut [Md Said, et al 2020]

Artikel ini bertujuan untuk meninjau beberapa perkara penting iaitu mengenalpasti pola dan trend perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan berdasarkan data 2019 sehingga 2021. Menganalisis faktor-faktor yang menjadi penyebab terjadinya perkahwinan tanpa kebenaran. Dan yang terakhir adalah menyarankan langkah-langkah terbaik untuk mengurangkan jumlah kes perkahwinan tanpa kebenaran.

PERMASALAHAN KAJIAN

Fenomena perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan telah menjadi isu yang semakin membimbangkan dan mencetuskan pelbagai cabaran di Malaysia Menurut laporan terkini, terdapat peningkatan yang signifikan dalam tahun-tahun kebelakangan ini [Harian Metro, 2021].

Walaupun undang-undang sedia ada seperti Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002 secara jelas telah menetapkan prosedur perkahwinan dalam Islam, masih ramai melanggar prosedur yang telah ditetapkan. Seksyen 12 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam menyatakan secara jelas setiap perkahwinan di Kelantan mesti didaftarkan. Namun punca kurang kesedaran dan pengetahuan akan kepentingan prosedur

telah menyumbang kepada peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran [Md Said, et al 2020].

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan fokus pada analisis dokumen untuk mengkaji isu perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan. Metodologi kajian ini terbahagi kepada dua bahagian utama: metod pengumpulan data dan metod analisis data.

Pengumpulan data melalui pelbagai sumber maklumat termasuk buku-buku akademik, artikel jurnal, tesis, dan laporan penyelidikan dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia, Manakala analisis data pula melibatkan data dalam bentuk jadual dan graf perkahwinan tanpa kebenaran dari tahun 2019 hingga 2021 dikeluarkan oleh Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK), dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).. Analisis trend dari tahun ke tahun juga dilakukan untuk memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perubahan yang wujud [Maxwell J.A., 2012].

KONSEP PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DARI SUDUT SYARAK

Perkahwinan tanpa kebenaran atau istilah Arab digunakan sebagai "*zawaj 'urfi*" atau "*nikah sirri*", merujuk kepada suatu akad nikah tanpa mendapat kebenaran atau pendaftaran daripada pihak berkuasa agama yang sah. Perkahwinan bentuk ini secara umumnya memenuhi rukun-rukun nikah dalam Islam, tetapi tidak didaftarkan secara rasmi dengan pihak berkuasa (al-Qaradhawi, 2000). Dalam konteks Malaysia, ia merujuk kepada perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kebenaran Mahkamah Syariah atau pegawai yang diberi kuasa di bawah undang-undang keluarga Islam negeri [Amir Husin Md Nor, 2016].

Dari sudut syarak, perkahwinan pada asasnya adalah satu ibadah yang disyariatkan dalam Islam. Allah SWT berfirman dalam Surah An-Nur, ayat 32: "*Dan kahwinlah orang-orang yang masih membujang di antara kamu, dan juga orang-orang yang layak (berkahwin) dari hamba-hamba sahaya kamu yang lelaki dan perempuan. Jika mereka miskin, Allah akan memberi kemampuan kepada mereka dengan kurnia-Nya. Dan Allah Maha Luas (pemberian-Nya) lagi Maha Mengetahui.*" [Al-Quran, 24:32]. Ayat ini menunjukkan galakan Islam terhadap perkahwinan.

Dalam hadis riwayat Abu Dawud, Rasulullah SAW bersabda: "*Tidak sah nikah kecuali dengan wali dan dua orang saksi yang adil*", [Abu Dawud, Sunan Abu Dawud, Kitab an-Nikah, hadis no. 2085]. Hadis ini menekankan kepentingan wali dan saksi dalam perkahwinan, yang merupakan antara rukun nikah dalam Islam.

Perbincangan mengenai hukum perkahwinan tanpa kebenaran berdasarkan pandangan mazhab-mazhab utama Islam. Mazhab Hanafi, seperti yang dijelaskan oleh Ibn Abidin dalam "*Radd al-Muhtar*", berpendapat bahawa perkahwinan adalah sah selagi memenuhi rukun-rukun asas, iaitu ijab dan qabul antara kedua-dua pihak yang berkahwin dengan kehadiran dua orang saksi [Ibn Abidin, 2003]. Mereka tidak menekankan keperluan wali atau pendaftaran rasmi sebagai syarat sah nikah, tetapi mengakui kepentingan mengumumkan perkahwinan untuk mengelakkan fitnah. Hujah mereka bersandarkan hadis Rasulullah SAW: "*Umumkanlah perkahwinan ini, laksanakanlah ia di masjid-masjid, dan pukullah rebana untuknya*", [Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab an-Nikah, hadis no. 1089].

Mazhab Maliki seperti yang dijelaskan di dalam kitab "*Al-Muwatta*", menekankan kepentingan wali dalam perkahwinan [Malik, 2003]. Kehadiran wali adalah syarat sah nikah dan digalakkan untuk mengumumkan perkahwinan [Ibn Rushd, 1994]. Walaupun tidak menyebut keperluan kebenaran pihak berkuasa, penekanan terhadap peranan wali dan pengumuman perkahwinan boleh ditafsirkan sebagai satu bentuk pengiktirafan terhadap autoriti dalam urusan perkahwinan.

Mazhab Syafi'i, seperti yang dijelaskan oleh Imam Al-Syafi'i dalam "*Al-Umm*", menetapkan lima rukun nikah: pengantin lelaki, pengantin perempuan, wali, dua orang saksi, dan sighth (*ijab dan qabul*) [Al-Shafi'i, 1990]. Al-Nawawi [2005] dalam "*Minhaj al-*

Talibin" menjelaskan bahawa perkahwinan yang memenuhi rukun-rukun ini adalah sah, namun digalakkan untuk mengumumkan dan mendokumentasikan perkahwinan tersebut. Ini boleh ditafsirkan sebagai sokongan terhadap pendaftaran perkahwinan dalam konteks moden. Ibn Taymiyyah, seorang ulama terkemuka dalam mazhab Hanbali di dalam kitab "Majmu' al-Fatawa" menegaskan bahawa perkahwinan yang disembunyikan atau tidak diumumkan adalah makruh (tidak digalakkan) dan boleh membawa kepada fitnah [Ibn Taymiyyah, 2004].

Ulama kontemporari seperti Yusuf Al-Qaradawi berpendapat dalam konteks semasa, pendaftaran perkahwinan adalah penting untuk melindungi hak-hak suami isteri dan anak-anak menjaga kemaslahatan umat [al-Qaradhawi, 2000].

Kesimpulannya, walaupun terdapat perbezaan pendapat antara mazhab-mazhab Islam mengenai rukun-rukun perkahwinan, majoriti ulama bersetuju kepentingan mengumumkan perkahwinan dan mengelakkan kerahsiaan. Dalam konteks masyarakat masa kini, pandangan ini boleh diperluaskan untuk menyokong mendapatkan kebenaran untuk berkahwin. Walaupun perkahwinan tanpa kebenaran mungkin memenuhi rukun nikah, namun perkara ini bertentangan dengan matlamat syariah dalam konteks semasa dalam menjaga kemaslahatan umum dan menghilangkan mudarat.

PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN MENURUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG

Di Kelantan, urusan perkahwinan dikawal selia oleh Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002. Enakmen ini menetapkan prosedur dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi perkahwinan disahkan menurut undang-undang. Perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan merujuk kepada perkahwinan yang dilangsungkan tanpa mematuhi prosedur yang ditetapkan dalam enakmen tersebut.

Peruntukan Undang-undang

Seksyen 19 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002 Kelantan menetapkan bahawa setiap perkahwinan di Kelantan mestilah diakadnikahkan oleh Pendaftar Nikah yang dilantik di bawah Seksyen 28 dalam enakmen yang sama. Ini bermakna, perkahwinan yang dilangsungkan tanpa kehadiran dan kebenaran Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk (PNCR) adalah melanggar undang-undang.

Seksyen 40(2) enakmen tersebut memperuntukkan bahawa:

"Seseorang yang berkahwin atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai akad nikah atau menjalani sesuatu upacara akad nikah dengan sesiapa jua berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya denda dan penjara itu." [Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan, 2002]

Prosedur Perkahwinan yang Sah

Prosedur perkahwinan yang sah di Kelantan melibatkan beberapa langkah [JAHEAIK, 2023]:

1. Permohonan kebenaran berkahwin di pejabat agama daerah.
2. Menjalani kursus pra-perkahwinan yang diiktiraf.
3. Pemeriksaan HIV (jika diperlukan).
4. Mendapatkan kebenaran daripada wali (untuk pengantin perempuan).
5. Akad nikah yang dijalankan oleh Jurunikah yang dilantik oleh JAHEAIK.
6. Pendaftaran perkahwinan.

Perkahwinan yang tidak melalui prosedur ini dianggap sebagai perkahwinan tanpa kebenaran dan boleh diambil tindakan undang-undang.

PUNCA-PUNCA PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

Terdapat beberapa punca berlakunya perkahwinan tanpa kebenaran iaitu kerumitan prosedur, ekonomi, kekurangan kesedaran, agama, dan geografi. Kerumitan prosedur merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada perkahwinan tanpa kebenaran. Prosedur perkahwinan dilihat rumit terutamanya bagi perkahwinan kali kedua atau perkahwinan dengan warga asing [Mohamad, M. N., 2008]. Oleh yang demikian, sesetengah pasangan memilih untuk berkahwin di luar negara atau tanpa melalui saluran rasmi kerana menganggap prosedur sedia ada terlalu membebankan.

Faktor ekonomi turut memainkan peranan penting dalam isu ini. Md Zawawi et al. [2015] dalam kajian mereka mendedahkan bahawa kos perkahwinan yang tinggi merangkumi perbelanjaan untuk menjalani kursus pra-perkahwinan dan ujian saringan kesihatan menjadi penghalang bagi sesetengah pasangan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka secara rasmi. Paling ketara adalah dalam kalangan pasangan dari latar belakang kurang berkemampuan dan susah.

Kekurangan kesedaran dan pengetahuan akan kepentingan pendaftaran perkahwinan juga merupakan punca perkahwinan tanpa kebenaran. Kajian oleh Siti Zalikha et al. [2019] menunjukkan bahawa terdapat individu kurang peka akan kepentingan undang-undang mendaftarkan perkahwinan mengikut prosedur yang betul. Selain itu, mereka tidak cakna akan implikasi negatif terhadap perkahwinan tanpa kebenaran. Hal ini menggambarkan keperluan untuk meningkatkan usaha kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Dalam konteks perkahwinan bawah umur, Mohd Affandi dan Mohd Zin [2017] mendapati bahawa tekanan keluarga dan adat tradisi mendorong kepada perkahwinan tanpa kebenaran. Tambahan itu, perkahwinan bawah umur masih dianggap normal walaupun bertentangan dengan undang-undang.

Faktor poligami turut menyumbang kepada peningkatan kes perkahwinan tanpa kebenaran. Kajian oleh Fuad, F. and Rapini, A. B. M. [2023] mendedahkan bahawa sebahagian lelaki memilih untuk berkahwin tanpa kebenaran sebagai cara untuk mengelakkan proses sebenar permohonan poligami. Keadaan ini berlaku apabila mereka menghadapi kesukaran untuk mendapat persetujuan isteri pertama atau birokrasi mahkamah.

Akhir sekali, faktor geografi turut memainkan peranan, terutamanya di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran. Kajian oleh Abdullah, S. et al [2021] menunjukkan bahawa kedudukan Kelantan yang berhampiran dengan Thailand telah memudahkan pasangan untuk berkahwin di sana tanpa melalui prosedur yang ditetapkan di Malaysia. Keadaan ini menggambarkan keperluan untuk kerjasama rentas sempadan dalam menangani isu perkahwinan tanpa kebenaran.

Oleh yang demikian, punca-punca perkahwinan tanpa kebenaran adalah pelbagai dan saling berkaitan. Ia merangkumi faktor perundangan, ekonomi, sosial, budaya, dan geografi. Pemahaman yang menyeluruh tentang punca-punca ini adalah penting dalam usaha menangani isu ini secara efektif.

ANALISIS STATISTIK PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN DI KELANTAN (2019-2023)

Berikut adalah merupakan data statistik yang diperolehi daripada tiga agensi utama iaitu Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan (JPSNK), Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan (JKSNK), dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK).

Jadual 1: Statistik kes pendaftaran pernikahan tanpa kebenaran di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan bagi tahun 2019 – 2023

NO.	TAHUN	JUMLAH		JUMLAH KESELURUHAN
		DAFTAR	SELESAI	
1.	2019	1462	1837	3299
2.	2020	1043	1097	2140

3.	2021	1600	1018	2618
4.	2022	2095	2362	4457
5.	2023	1484	1623	3107

Jadual 2: Statistik pernikahan tanpa kebenaran di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan bagi tahun 2019 - 2023

KOD KES	JENIS KES	TAHUN					Jumlah Kes
		2019	2020	2021	2022	2023	
010	Permohonan Pengesahan/Perintah Nikah	731	509	418	799	0	2,457
131	Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di Luar Negara	0	0	0	20	641	661
132	Permohonan Pengesahan Nikah Tanpa Kebenaran di Dalam Negara	0	0	0	4	141	145
Jumlah Keseluruhan		731	509	418	823	782	3,263

Jadual 3: Statistik kes Monogami tanpa kebenaran di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan bagi tahun 2019 - 2023

NO.	JAJAHAN	TAHUN					JUMLAH KES
		2019	2020	2021	2022	2023	
1.	Bachok	25	29	15	17	12	98
2.	Kota Bharu	77	64	25	41	18	225
3.	Machang	15	11	1	6	1	34
4.	Pasir Mas	63	54	42	49	17	225
5.	Pasir Puteh	19	6	3	8	3	39
6.	Tanah Merah	25	35	20	19	8	107
7.	Tumpat	16	9	5	8	0	38
8.	Gua Musang	5	7	3	10	11	36
9.	Kuala Krai	18	9	8	10	5	50
10.	Jeli	7	2	4	9	0	22
Jumlah Keseluruhan		270	226	126	177	75	874

Jadual 4: Statistik kes Poligami tanpa kebenaran di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan bagi tahun 2019 - 2023

NO.	JAJAHAN	TAHUN					JUMLAH KES
		2019	2020	2021	2022	2023	
1.	Bachok	33	52	38	30	24	177
2.	Kota Bharu	123	103	94	122	72	514
3.	Machang	14	21	13	22	19	89
4.	Pasir Mas	46	56	36	47	34	219
5.	Pasir Puteh	23	10	12	18	8	71
6.	Tanah Merah	28	20	17	27	8	100
7.	Tumpat	12	20	10	11	11	64

8.	Gua Musang	16	14	15	12	5	62
9.	Kuala Krai	15	10	10	6	2	43
10.	Jeli	5	1	3	2	1	12
Jumlah Keseluruhan		316	307	248	297	184	1352

Berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap data-data di atas, trend dari ketiga-tiga agensi ialah penurunan pada tahun 2020, faktor penurunan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Fenomena ini menunjukkan bahawa pandemik telah memberi kesan signifikan terhadap pola perkahwinan di Malaysia (Mohamad, M. N., 2008),. Walau bagaimanapun, trend pasca-pandemik menunjukkan data yang unik sama ada naik ataupun turun.

Data dari JPSNK menunjukkan peningkatan mendadak dalam jumlah kes perkahwinan tanpa kebenaran dari tahun 2021 (2,618 kes) ke 2022 (4,457 kes). Peningkatan ini mencerminkan 'kesan pemulihan' selepas pandemik, di mana pasangan yang sebelum ini tertangguh perkahwinan akhirnya mengambil keputusan untuk berkahwin tanpa kebenaran. Kajian oleh Abdullah, S. et al (2021) sejajar dengan data yang dikeluarkan oleh pihak JPSNK.

JPSNK pula mencatatkan trend yang menarik dengan pengenalan dua kategori baru pada tahun 2022 iaitu kes nikah tanpa kebenaran di luar negara (kod 131) dan dalam negara (kod 132). Peningkatan drastik dalam kes nikah tanpa kebenaran di luar negara pada tahun 2023 (641 kes berbanding 20 kes pada tahun sebelumnya) menimbulkan persoalan tentang faktor-faktor yang mendorong fenomena ini terutamanya faktor geografi kerana kedudukan Kelantan adalah bersempadan dengan Thailand.

Manakala data daripada JAHEAIK telah mengkategorikan kepada monogami dan poligami tanpa kebenaran. Bagi kes monogami tanpa kebenaran menunjukkan penurunan dari tahun 2019 (270 kes) hingga tahun 2023 (75 kes). Penurunan ini didorong oleh keberkesanan usaha pendidikan dan penguatkuasaan. Berbeza dengan kes poligami tanpa kebenaran yang secara konsisten semakin tinggi. Ini menjadi satu cabaran kepada pihak berkuasa dalam mengekang perkahwinan tanpa kebenaran (Noor et al., 2016).

Perbezaan ketara terhadap jumlah kes yang dilaporkan oleh JPSNK berbanding agensi-agensi lain mencerminkan perbezaan dalam skop dan fungsi agensi-agensi tersebut. Walau bagaimanapun, suatu keperluan kepada penyelarasan yang lebih baik antara agensi-agensi dalam menangani isu perkahwinan tanpa kebenaran [Borhanuddin, S. A. et al, 2023].

Analisis terhadap statistik mendedahkan bahawa isu perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan adalah sangat menarik kerana melibatkan pelbagai faktor sama ada sosial, ekonomi, perundangan, dan geografi. Maka, keperluan untuk pelbagaikan pendekatan dalam menangani isu ini. Peningkatan mendadak dalam kes perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara menjadi cabaran berterusan dan memerlukan perhatian khusus dari pihak berkuasa.

Untuk menangani isu perkahwinan tanpa kebenaran secara efektif, pendekatan yang menyeluruh dan pelbagai sudut diperlukan. Langkah seperti memperkukuh kerjasama antara pelbagai agensi yang terlibat dan memastikan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan. Selari dengan usaha ini, program pendidikan dan kesedaran perlu dipertingkatkan, terutamanya di kawasan-kawasan yang mencatatkan kes tinggi supaya dapat meningkatkan pemahaman masyarakat tentang kepentingan perkahwinan yang sah di sisi undang-undang.

Dalam masa yang sama, prosedur perkahwinan sedia ada perlu dikaji semula untuk mengurangkan kekangan birokrasi tanpa mengorbankan kepentingan undang-undang. Memandangkan isu ini sering melibatkan perkahwinan rentas sempadan, kerjasama antarabangsa, terutamanya dengan negara-negara jiran, perlu dipertingkatkan untuk menangani isu perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara.

PENUTUP

Analisis statistik dari tiga agensi utama - JPSNK, JKSNK, dan JAHEAIK - menunjukkan trend yang tidak seragam dari tahun 2019 hingga 2023, dengan kesan pandemik COVID-19 yang ketara pada tahun 2020. Peningkatan mendadak kes selepas pandemik, terutamanya dalam perkahwinan tanpa kebenaran di luar negara, mencerminkan cabaran baharu yang perlu ditangani.

Dapatan kajian mengesahkan bahawa kekangan prosedur, faktor geografi, dan kurangnya kesedaran merupakan penyumbang utama kepada fenomena ini, selaras dengan kajian-kajian terdahulu. Kes poligami tanpa kebenaran yang secara konsisten lebih tinggi berbanding monogami.

Implikasi perundangan daripada perkahwinan tanpa kebenaran adalah serius, meliputi isu pendaftaran anak, perwarisan, dan kebajikan keluarga. Perbezaan ketara dalam data antara agensi-agensi menunjukkan keperluan untuk penyelarasan yang lebih baik dalam usaha penguatkuasaan dan pengumpulan maklumat.

Kesimpulannya, walaupun usaha-usaha telah diambil untuk menangani fenomena perkahwinan tanpa kebenaran di Kelantan, cabaran-cabaran baharu dan berterusan memerlukan pendekatan yang lebih inovatif dan menyeluruh. Penyelidikan lanjut diperlukan untuk memahami motivasi individu dan menilai keberkesanan langkah-langkah sedia ada. Usaha berterusan ditagih agar fenomena ini dapat ditangani secara efektif, seterusnya memastikan pematuhan terhadap undang-undang syariah dan melindungi kesejahteraan keluarga Islam di Kelantan.

RUJUKAN

Buku

- Al-Nawawi, Abu Zakaria. (2005). *Minhaj al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sharanbasiyy, Ramadan 'Aliyy al-Sayyid. (2002). *Ahkam al-Mirath Bayna al-Shari'ah Wa al-Qanun* (Edisi). Mansha'at al-Ma'arif, al-Iskandariyyah.
- Al-Syafi'i. (1990). *Kitab al-Umm*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Fuad, F., & Rapini, A. B. M. (2023). *Kesan Pernikahan Tanpa Kebenaran Terhadap Isteri Menurut Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Selangor*.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin. (2003). *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Riyadh: Dar Alam al-Kutub.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad. (1994). *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Qaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad. (2004). *Majmu' al-Fatawa*. Madinah: Majma' al-Malik Fahd.
- Malik, Anas. (2003). *Al-Muwatta*. Qaherah: Majmu'ah al-Furqan al-Tijariyyah.
- Maxwell, J.A. (2002). *Qualitative research design: An interactive approach*. Sage Publications.
- Robson, C. (2002). *Real world research: A resource for social scientists and practitioner-researchers* (2nd ed.). Blackwell Publishers Ltd, Oxford.

Jurnal

- Abdullah, S., Hussin, N. S., & Ramli, A. J. (2021). *Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Memberi Kesan Terhadap Pasangan dan Institusi Kekeluargaan*. In *Kajian Kes Di Negeri Perlis, Conference: The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI)* 2:1-19.
- Abdullah, S., Hussin, N. S., Ramli, A. J., & Liberal, P. S. (Ogos 2021). *Impak Perkahwinan Tanpa Kebenaran Terhadap Pasangan dan Institusi Kekeluargaan*. *Kajian Kes Di Negeri Perlis*. In *The 2nd International Conference on Communication in Scientific Inquiry (CSI)*. UniMAP: Pusat Sains Liberal, Fakulti Sains Gunaan Dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Perlis.
- Amir Husin Md Nor. (2016). *Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar*. *Jurnal Syariah*, 14(2), 23-39.

- Borhanuddin, S. A., Samah, M., & Hussin, M. N. M. (2023). Kesalahan Berkahwin Tanpa Kebenaran bagi Orang Islam di Malaysia: Tinjauan Berdasarkan Perspektif Syarak dan Undang-Undang: Illegal Marriage for Muslims in Malaysia in Malaysia: A Review Based on the Sharia and Law Perspectives. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 99-121.
- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh@Yusoff, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. (2020). Kajian sosioperundangan perkahwinan merentasi sempadan di nusantara [Socio legal research on cross-border marriage in the Malay Archipelago. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, 5(2), 129-151.
- Mohamad, M. N. (2008). Perkahwinan Tanpa Kebenaran Rakyat Malaysia di Selatan Thailand. *Al-Nur Journal of Graduate School*, 3(5), 45-59.
- Noor, N. M., Abdullah, K., & Hashim, I. H. M. (2016). Poligami dan perkahwinan tidak berdaftar di Malaysia: Analisis isu dan cabaran. *Journal of Gender Studies*, 6(1), 106-124.
- Nor, A. H. M. (2006). Faktor Penyebab Perkahwinan Tanpa Kebenaran Di Luar Negara: Satu Kajian Di Mahkamah Rendah Syariah Muar. *Jurnal Syariah*, 14(2), 145-161.
- Nur Hidayah Abdul Karim dan Siti Hajar Abdul Rauf. (2020). Perkahwinan tanpa kebenaran: Analisis kes di Mahkamah Rendah Syariah Pekan, Pahang, *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 21(3): 101-112.

Internet

- Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/11/777299/jaheaik-anjur-program-pemutihan-pendaftaran-perkahwinan-luar-negara-metrotv>, (last accessed 2024/09/13).
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan, https://eqaryah.kelantan.gov.my/perkahwinan_prosedur.php, (last accessed 2024/09/20).
- Jabatan Perangkaan Malaysia, Laporan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia, <https://www.dosm.gov.my/>, (last accessed 2024/09/25).